



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DR. HAJAH ZALINA BT ZAKARIA  
PENGETUA DAN PENSYARAH

OLEH:

NUR ELIA SHAFINAZ BINTI RAMLI	2022697586
ZULAIKHA SOFEA BINTI GHAZALI	2022498608

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2024 – FEBRUARI 2025)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DR. HAJAH ZALINA BT ZAKARIA  
PENGETUA DAN PENSYARAH

OLEH:

NUR ELIA SHAFINAZ BINTI RAMLI      2022697586  
ZULAIKHA SOFEA BINTI GHAZALI      2022498608

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2024 – FEBRUARI 2025)

# **PENGHARGAAN**

# **PENGHARGAAN**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM DAN ASSALAMUALAIKUM W.B.T**

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, kami berjaya menyempurnakan tugas ini dalam tempoh yang ditetapkan walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, bantuan, dan kerjasama sama ada secara langsung maupun tidak langsung dalam usaha menjayakan projek IMR 604: Oral Documentation, yang bertajuk “Pemimpin Inspirasi SMK Machang: Dr. Hajah Zalina Zakaria”. Kami amat menghargai segala bentuk bantuan yang diberikan sehingga projek ini dapat diselesaikan dengan baik.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah, atas segala tunjuk ajar, nasihat, dan bimbingan sepanjang proses menyiapkan tugas ini. Beliau bukan sahaja memberi panduan yang jelas, tetapi juga sentiasa memberi motivasi kepada kami dalam memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

Tidak lupa, penghargaan yang tulus ikhlas juga kami sampaikan kepada Dr. Hajah Zalina binti Zakaria atas kesudian beliau meluangkan masa untuk sesi wawancara. Kami amat terinspirasi dengan kesediaan beliau berkongsi ilmu dan pengalaman yang sangat berharga sebagai Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Machang. Sikap beliau yang mesra dan mudah untuk berurusan amat kami hargai sepanjang kajian ini berlangsung.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan kami ucapkan kepada keluarga dan rakan-rakan yang menjadi pendorong utama sepanjang perjalanan projek ini. Tanpa sokongan moral, bantuan, dan semangat mereka, kejayaan projek ini tidak akan menjadi kenyataan. Kami berdoa semoga Allah S.W.T memberkati setiap usaha kita semua dan memberikan manfaat daripada projek ini untuk masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

# **ABSTRAK**

# **ABSTRAK**

**Abstrak:** *Kajian ini bertujuan untuk meneliti kepimpinan Dr. Hajah Zalina Zakaria sebagai pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Machang, sebuah institusi pendidikan yang telah beroperasi sejak tahun 1965. Kajian ini memberi tumpuan kepada pengaruh kepimpinan beliau terhadap pembangunan akademik, sahsiah pelajar, serta pengurusan sekolah secara keseluruhan. SMK Machang, yang terletak di Machang, Kelantan, telah melalui pelbagai transformasi sejak penubuhannya dan terus memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan berkualiti kepada pelajarnya. Kajian ini juga menganalisis cabaran yang dihadapi oleh Dr. Hajah Zalina Zakaria dalam memimpin institusi pendidikan ini, termasuk strategi yang diterapkan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan sekolah dan pencapaian pelajar. Dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif, data dikumpulkan melalui pemerhatian, temubual, dan analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa kepimpinan berwawasan dan komitmen tinggi yang ditonjolkan oleh Dr. Hajah Zalina Zakaria telah memberi kesan yang signifikan terhadap peningkatan prestasi akademik pelajar dan pembangunan sahsiah mereka. Kajian ini juga mengenal pasti beberapa langkah strategik yang dilaksanakan, termasuk penglibatan aktif komuniti sekolah, penambahbaikan infrastruktur, dan pendekatan pengajaran yang inovatif. Kesimpulannya, kajian ini menegaskan kepentingan kepimpinan yang efektif dalam membentuk budaya kecemerlangan di sekolah dan mencadangkan amalan terbaik yang boleh dijadikan panduan untuk pemimpin pendidikan yang lain.*

**Kata kunci:** *Kepimpinan, SMK Machang, Dr. Hajah Zalina Zakaria, pembangunan akademik, pembangunan sahsiah, pengurusan sekolah, strategi pendidikan, budaya kecemerlangan*

# ABSTRACT

**Abstract:** This study aims to examine the leadership of Dr. Hajah Zalina Zakaria as the principal of Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Machang, an educational institution that has been operating since 1965. The study focuses on her influence on academic development, student character building, and overall school management. SMK Machang, located in Machang, Kelantan, has undergone various transformations since its establishment and continues to play a vital role in providing quality education to its students. The study also analyzes the challenges faced by Dr. Hajah Zalina Zakaria in leading this educational institution, including the strategies implemented to enhance school management effectiveness and student achievements. Using a qualitative research approach, data were collected through observations, interviews, and document analysis. The findings reveal that the visionary leadership and high commitment demonstrated by Dr. Hajah Zalina Zakaria have significantly impacted the academic performance and character development of students. The study identifies several strategic measures implemented, including active community involvement, infrastructure improvements, and innovative teaching approaches. In conclusion, this study underscores the importance of effective leadership in fostering a culture of excellence within schools and proposes best practices that can serve as a guide for other educational leaders.

**Keywords:** Leadership, SMK Machang, Dr. Hajah Zalina Zakaria, academic development, character building, school management, educational strategies, culture of excellence

# **ISI KANDUNGAN**

# **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
	<b>SURAT</b>
Penghargaan.....	ii
Abstrak .....	iv
Isi Kandungan.....	vii
Senarai Abreviasi.....	viii
Rujukan Kata.....	x
Biodata Tokoh.....	xii
Biodata Penemubual.....	xiv
Pengenalan.....	xvii
 Transkrip	
Bahagian 1.0: Latar Belakang Peribadi.....	02
Bahagian 1.1: Latar Belakang Pendidikan.....	07
Bahagian 2.0: Kerjaya.....	10
Bahagian 2.1: Pengalaman Pekerjaan .....	13
Bahagian 3.0: Penglibatan Aktif Tokoh.....	19
Bahagian 3.1: Mengenai Penglibatan Tokoh Dalam Pendidikan.....	23
Bahagian 3.2: Pencapaian / Penganugerahan Dan Sumbangan .....	27
Bahagian 3.3: Pandangan / Harapan / Nasihat .....	31
 Lampiran	34
Log Wawancara.....	35
Diari Kajian.....	43
Senarai soalan.....	46
Surat Perjanjian.....	60
Gambar.....	61
Indeks.....	62

## **SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
Dr.	Doktor
UiTM	Universiti Teknologi MARA
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKM	Sekolah Menengah Kebangsaan Machang
PHD	Doctor of Philosophy
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
MSSM	Majlis Sukan Sekolah Malaysia
AMRASS	Malaysian Association of Research Scientists
EKA	Elaun Khidmat Awam
SSPA	Sistem Saraan Perkhidmatan Awam
PIBG	Persatuan Ibu Bapa Dan Guru
SLT	Senior Leadership Team
MLT	Middle Leader Team
YB	Yang Berhormat
PIBKS	Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti Dan Sektor Swasta Dalam Pendidikan
NGO	Badan bukan kerajaan
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
UASA	Ujian Akhir Sesi Akademik
STEM	Sains, Teknologi, Engineering dan

	Matematik
PASM	Sistem Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PSO	Perancangan Strategik Sekolah
KPI	Key Performance Indicator
GPS	Gred Purata Sekolah
PNGK	Purata Nilai Gred Keseluruhan
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan Dan Kokurikulum
SEGAK	Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan
SUKMA	Sukan Malaysia
NPQEL	National Professional Qualification for Educational Leaders
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
TESL	Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian dalam Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua
HRPZ	Hospital Raja Perempuan Zainab II

## **RUJUKAN KATA**

dah	sudah
je	sahaja
medsoc	media sosial
nak	mahu
ni	ini
tak	tidak
tu	itu

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



Nama	:	Dr. Hajah Zalina binti Zakaria
Umur	:	
Tarikh lahir	:	
Tempat lahir	:	Pasir Puteh, Kelantan
Alamat	:	Pasir Puteh, Kelantan
No. Telefon	:	
Emel	:	
Status	:	Berkahwin
Profesion	:	Pengetua SMK Machang
Bidang	:	Pendidikan

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Sekolah Menengah Kebangsaan Machang, yang lebih dikenali dengan nama ringkas SMK Machang, terletak di Jalan Kota Bharu, Kweng Hitam, Machang. Pada mulanya, sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Menengah Rendah Kebangsaan Machang dan memulakan sesi persekolahan pertamanya pada 1 Januari 1965. Ketika itu, SMK Machang menumpang di bangunan Sekolah Menengah Hamzah Machang dengan 136 pelajar yang merupakan kumpulan pertama ditempatkan dalam empat kelas Tingkatan Satu.

Pada awal penggal ketiga tahun 1966, SMK Machang berpindah ke bangunan yang digunakan hingga kini. Sekolah ini terletak di Batu 25, Jalan Kota Bharu-Kuala Krai, dengan keluasan tapak 10 ekar. Operasi rasmi sekolah bermula pada 3 Julai 1967, dirasmikan oleh Yang Berhormat Encik Khir bin Johari, Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu. Pada awalnya, sekolah ini memiliki dua blok bangunan yang terdiri daripada lapan bilik darjah, dua makmal Sains Rumah Tangga, dan dua bilik Seni Perusahaan. Pada tahun 1970, sebuah blok tambahan dibina yang menyediakan sepuluh bilik darjah, satu pejabat, satu bilik guru, satu perpustakaan, dan dua makmal sains.

Pengetua atau guru besar memainkan peranan penting sebagai tunjang utama dalam membentuk generasi muda yang berdaya saing dan berwawasan. Kepimpinan pengetua amat penting untuk memastikan keberkesanannya pendidikan serta pencapaian sekolah. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, istilah “pengetua” merujuk kepada individu yang mengetuai atau mengepalai sesebuah institusi, manakala “guru besar” bermaksud guru yang mengetuai sesebuah sekolah.

Penghargaan kepada guru adalah penting kerana jasa mereka yang tidak ternilai dalam mendidik generasi muda. Menurut ensiklopedia, anugerah Tokoh Guru diwujudkan untuk menghargai dan mengiktiraf kerjaya dalam bidang pendidikan. Anugerah ini mula diperkenalkan pada pertengahan tahun 1970-an oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sempena sambutan Hari Guru yang bermula pada tahun 1972, kementerian merasakan perlunya memberikan penghormatan kepada guru sebagai penghargaan dan pengiktirafan terhadap kewibawaan mereka di dalam dan luar bilik darjah.

Kajian ini akan memfokuskan kepada SMK Machang serta kepimpinan Dr. Hajah Zalina Zakaria sebagai pengetua sekolah tersebut. Kajian ini akan meneliti bagaimana pengaruh kepimpinannya menyumbang kepada perkembangan akademik dan sahsiah diri pelajar, selain menilai pengurusan sekolah yang meliputi cabaran yang dihadapi serta strategi yang telah dilaksanakan oleh beliau.

# **TRANSKRIP**

# **TRANSKRIP**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang bertujuan untuk mengumpulkan latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang pendidikan. Bersama-sama kami ialah Dr. Hajah Zalina binti Zakaria, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Machang dari tahun 2023 hingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 1 Januari 2025, bersamaan dengan hari Rabu, pada pukul 3 petang, bertempat di SMK Machang. Temubual ini dikendalikan oleh Zulaikha Sofea dan Nur Elia Shafinaz. Dengan segala hormatnya, temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

**DHZ:** Doktor Hajah Zalina

**NES:** Nur Elia Shafinaz

**ZS:** Zulaikha Sofea

## **BAHAGIAN 1.0: LATAR BELAKANG PERIBADI**

NES : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Kami ingin memulakan temubual sejarah lisan ini yang bertujuan untuk mengumpulkan latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang pendidikan. Bersama kami hari ini ialah Dr. Hajah Zalina binti Zakaria, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Machang sejak tahun 2023 hingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 1 Januari 2025, bersamaan dengan hari Rabu, pukul 3 petang, di SMK Machang. Temubual ini dikendalikan oleh Zulaikha Sofea dan Nur Elia Shafinaz. Dengan segala hormat, kita mulakan temubual ini. Untuk tajuk pertama kita nak mulakan dengan latar belakang.

NES : **So [jadi], boleh puan ceritakan sedikit latar belakang puan seperti nama penuh, nama panggilan tarikh lahir dan tempat lahir?**

DHZ : Saya seperti mana yang telah di seperti mana yang telah awak maklumkan tadi kan Dr. Hajah Zalina lepas tu, biasanya kalau di sekolah ni semua cikgu-cikgu

panggil saya Doktor lah dan ada yang panggil Pengetua dan kalau murid-murid, semua pelajar saya seramai 1375 orang mereka panggil saya Mummy, itu adalah nama nama singkatan yang pada saya, boleh mendekatkan diri saya dengan pelajar saya lah dan juga dengan warga. Ada juga kalau guru-guru muda di sini yang umur dalam 38 [tiga puluh lapan] ke bawah mereka pun panggil saya Mummy. Saya dilahirkan pada 8 Mac 1966 di Pasir Putih, Kelantan dan di situ saya adalah keturunan Kelantan lah sepenuhnya ayah saya juga Kelantan dan mak saya pun.

NES : **Berapakah usia Puan pada tahun ini?**

DHZ : Hari ini usia saya bulan nanti Mac  
akan jadi

NES : **Siapakah nama ibu dan bapa Puan?**

DHZ : Ibu saya juga seorang guru juga dulu dah meninggal *dah* [sudah] namanya dan dia *tak* [tidak] *pure* [tulen] Kelantan lah dia campuran daripada negeri lain.

NES : **Di manakah negeri asal kelahiran Puan?**

DHZ : Saya adalah keturunan Kelantan lah sepenuhnya ayah saya juga Kelantan dan mak saya pun.

NES : **Di manakah Puan dibesarkan?**

DHZ : Saya dibesarkan di Pasir Putih, Kelantan. Dan *nak* [mahu] kata *legit* [sah] berada di Kelantan *tak* [tidak] jugalah sebab datuk saya *tu* [itu], polis dan kami bila cuti sekolah *je* [sahaja] saya akan berada diluar lah, banyak negeri.

NES : **Siapakah nama suami Puan?**  
DHZ : Nama suami saya juga seorang pengetua, mantan pengetua lah beliau *dah* [sudah] bersara pada 8 November 2024. Jadi usia dia

NES : **Berapakah bilangan adik-beradik Puan?**  
DHZ : Adik-beradik saya semua sekali

NES : **Adakah adik-beradik atau anak-anak Puan turut terlibat dalam bidang yang sama dengan Puan?**  
DHZ : Semuanya *graduate* [graduan] dan saya merupakan anak yang . Dua perempuan, saya dan kakak, lepas *tu* [itu] semua adik-adik saya semuanya lelaki. Dalam enam orang adik-beradik ni, cuma saya dan adik lelaki saya yang kelima, yang keempat. Yang lainnya, yang pertama juga bekerja kerajaan dan yang lainnya merupakan yang melaksanakan perniagaan, perniagaan pun *alhamdulillah* [syukur kepada Allah] semuanya berjaya lah dan yang saya boleh katakan adik-beradik saya ni semuanya berjaya dalam akademik mereka adalah pelajar-pelajar cemerlang yang belajar di SBP [Sekolah Berasrama Penuh] ada sekolah menengah agama ada, dan berjaya lah.

NES : **Adakah Puan mempunyai anak? Berapakah orang anak-anak Puan?**  
DHZ : Saya mempunyai \_\_\_\_\_ orang anak.

NES : **Berapakah umur dan kerjaya anak-anak Puan?**

DHZ : Yang sulung juga seorang guru berusia

**NES : Apakah hobi yang diminati oleh Puan selain daripada bidang ini?**

DHZ : Hobi saya selain daripada bidang akademik, hobi saya tapi boleh dinyatakan semua hobi saya *ni* [ini] mesti berkisar dengan akademik dengan program-program peningkatan akademik motivasi dan saya banyak menghasilkan penulisan-penulisan ilmiah, sepanjang saya belajar dan saya banyak terlibat dengan kajian-kajian sama ada di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat antarabangsa. sekarang ni saya juga adalah merupakan seorang penilai jurnal terhadap jurnal-jurnal pelajar-pelajar *PHD* [Doctor of Philosophy] daripada, ada daripada *University of India* [Universiti India] ada daripada Indonesia, ada daripada Thailand ada dan saya banyak apa, saya melibatkan diri secara aktif dalam kajian ilmiah yang dihasilkan yang dikelola oleh Simeo, tahu kan?

**NES : Jadi macam mana puan membahagikan masa dengan keluarga dengan kerjaya?**

DHZ : Hmm (sedang berfikir), memandangkan anak-anak saya ini bila mereka masuk *form 1* [tingkatan 1] mereka pergi ke sekolah berasma penuh, jadi daripada tiga tinggal dua, daripada dua tinggal satu dan semua pergi belajar, kan? Jadi, banyak masa saya anak-anak berasrama dan seterusnya mereka ke universiti, saya ada banyak masa saya dengan suami, semasa waktu persekolahan mereka lah, dan pada waktu inilah, saya mendalami apa juar bidang yang saya minat tadi tu,

membuat kajian, mentelaah, dan sebagainya dan apabila cuti sekolah anak-anak akan ada bersama dengan saya dan kebanyakannya, saya akan melibatkan mereka dalam aktiviti saya saya pun suka melancong jadi bila *dah* [sudah] melancong tu, memang ketiga-ketiganya saya akan bawa dan pada waktu inilah, ianya menjadi memang *very incredible moment* [detik yang sangat luar biasa] yang saya cipta bersama saya dan keluarga bersama dengan adik-beradik, sebulan sekali kami ada *family gathering* [perjumpaan keluarga] sebab saya tak ramai kan enam beradik sahaja, mak ayah saya semua *dah* [sudah] *tak ada* [tiada] dan ayah saya anak tunggal mak saya ada seorang adik tetapi warga negara Australia, so keluarga kami sahajalah saya tak ramai *relatives* [saudara] maka dalam jumlah keluarga yang terhad maka saya boleh memperuntukkan banyak masa bersama dengan mereka.

- NES : **Apakah cita-cita Puan sewaktu kecil selain daripada bidang ini?**
- DHZ : Ya saya, ayah saya adalah seorang guru besar, jadi kata-kata ayah saya dia kata apa cerita-cerita awak? saya cakap saya nak jadi cikgu maka dia kata, kalau saya ni guru besar maka awak perlu lebih tinggi daripada guru besar supaya ada peningkatan. Dia cuma guru maktab pada masa tu lah kan, guru maktab dan saya mesti belajar sampai ke universiti barulah ada perubahan dalam keluarga kami itu yang dia selalu tekankan pada anak-anak.

## **BAHAGIAN 1.1: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

**NES : Bolehkah puan kongsikan sedikit sejarah Pendidikan?**

DHZ : Ok saya bermula saya 1973 tu dah darjah 1 dan saya belajar di sekolah yang tu tersohor pada masa tu Sekolah Kamil, rendah dan Sekolah Menengah Kamil *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] dan *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] selepas saya setiap kali peperiksaan lah memang saya antara pelajar yang cemerlang dan terus sahaja lancar sahaja perjalanan pengajian saya sehingga saya dapat degree selepas dapat *degree* [ijazah sarjana muda] saya terus mengajar kemudian selepas enam tahun menjadi guru sekolah saya ditempatkan di Pejabat Pendidikan Daerah selepas 8[lapan] tahun kemudian sebagai Penolong Pegawai Pendidikan Daerah saya ke Jabatan Pendidikan Negeri sebagai Ketua Penolong Pengarah jadi sepanjang saya rasa pendidikan dan perkhidmatan saya tu suatu moment yang saya rasa sangat seronok lah belajar seronok bekerja pun seronok.

**NES : Semasa masih menjadi pelajar, adakah Puan memiliki minat yang mendalam dalam bidang tertentu?**

DHZ : Saya adalah tenis player *MSSM* [Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia] begitu juga dengan bola jaring jadi saya sangat meminati sukan, bukan itu sahaja olahraga pun saya *join* [sertai] dan saya sampai ke peringkat kebangsaan dan pada saya kalau kita nak berjaya, nak bersukan akademik mesti bagus kalau kita ada akademik yang bagus kita mesti juga bagus dalam bidang itulah yang semuanya menjadi minat baca buku cerita pun minat contohnya penulis Sidney Sheldon sebagai contohnya dah mendiang dah saya ada koleksi dia sampai beratus-ratus novel bermula daripada saya ingat saya tingkatan enam, saya dah mula baca buku-buku tulisan dia dan juga siri penyiasatan Agatha Christie saya

pun minat juga novel-novel yang dia tulis jadi itulah minat tertentu saya nampakkan macam membaca je kan? *Tak* [tidak], saya juga bermain.

NES : **Adakah Puan juga pernah aktif menyertai kursus-kursus khusus dan professional semasa di sekolah?**

DHZ : Semasa di sekolah saya adalah salah seorang daripada pemimpin pelajar dan saya menjadi pengurus-pengurus kepada persatuan dan kelab-kelab tertentu jawatan-jawatan utama saya pegang termasuklah bandan pengawas.

NES : **Sejauh mana kemahiran dan pengalaman Puan semasa di peringkat persekolahan memberikan impak besar terhadap perkembangan diri dan kerjaya Puan kini?**

DHZ : Di sini kita lihat bahawa aktifnya kita semasa kita berada di sekolah ianya memberikan pengalaman, pengetahuan proses pembelajaran dan tentunya ia memberikan impak yang sangat besar bagi seseorang itu dalam pekerjaan. Sebagai contohnya kepertahanan kita bercakap sejak daripada sekolah hasil daripada kelab pidato yang kita join kemahiran kita menganjurkan pelbagai seminar sebagai contohnya ataupun apa-apa aktiviti bermula daripada sekolah dan juga universiti yang mana kita terlibat secara langsung dengan penganjuran penganjuran program. Jadi nak jadi baik di sekolah kita mesti aktif dan ianya memberikan impak yang besar sebagai pengalaman kita semasa kita kerja.

**NES : Adakah Puan boleh berkongsi sedikit mengenai pengalaman pahit-manis Puan semasa zaman persekolahan yang turut mempengaruhi kehidupan Puan pada masa kini?**

**DHZ :** Boleh dikatakan, Allah sayang saya agaknya, saya *tak ada* [tiada] pengalaman pahit semua pada saya pengalaman itu *so sweet* [sangat manis] saya dengan cikgu dengan kawan-kawan dan ianya mempengaruhi kehidupan saya pada masa ini saya mempunyai kawan-kawan yang sangat prihatin walaupun kawan-kawan itu bermula daripada darjah 1[satu] dan saya masih ingat guru darjah 1 [satu] saya arwah Cikgu Kalsum, nama guru kelas saya, nama guru kelas masa darjah 2 [dua] semua *dah* [sudah] arwah ni arwah Cikgu Hanapi guru kelas darjah 2 [dua] saya masih boleh ingat dan kawan-kawan di darjah 1 [satu] saya berkawan sampai sekarang bahkan apabila, ada *WhatsApp group* [kumpulan WhatsApp] kita telah mewujudkan *group chatting* [kumpulan berbual] kami dan sentiasa mengimbau kembali nostalgia jadi semua sweet pada saya sangat *sweet* [manis] dan bila di tingkatan 6[enam] atas saya ada seorang guru arwah juga Cikgu Hasnah Ya'zan *so sweet* [sangat manis] apabila setiap kali ada aktiviti bersama kami duduk sama-sama *chatting* [berbual] saya potong kuku dia *so sweet* [sangat manis] dan yang paling bestnya keputusan peperiksaan SPM saya walaupun saya kuat bermain tetapi diumumkan keputusan itu adalah pada hari jumaat, hari jumaat kita tak kerja hari sabtu zaman dulu kerja tetapi pada malam, cikgu saya Cikgu Zainal Abidin telah datang rumah saya dan bawa keputusan SPM saya itulah agaknya momen yang paling best sebab cikgu datang bagi *result, so sweet* [keputusan, sangat manis] semuanya.

## **BAHAGIAN 2.0: KERJAYA**

**NES : Sebelum Puan menjadi pengetua sekolah, adakah Puan melibatkan diri dalam mana-mana persatuan atau program berkaitan pendidikan? (contohnya, kelab pendidikan atau persatuan guru)**

**DHZ : Sebelum pengetua kan, saya adalah merupakan jawatankuasa badan penyelidik AMRASS [Malaysian Association of Research Scientists] Malaysia dan kelab-kelab pendidikan yang lain persatuan guru semua saya join sebab dengan berpersatuan ini ianya boleh memupuk ukhwah kita dengan orang lain dan boleh bertukar-tukar pandangan dan sebagainya.**

**NES : Selepas setamat pengajian apakah bidang pekerjaan yang mula-mula diceburi oleh puan?**

**DHZ : Sebab saya ni memang ijazah pendidikan so bila habis belajar tu memang jadi cikgu dulu sampai sekarang lah kan.**

**NES : Berapakah gaji pertama Puan pada waktu ketika itu?**

**DHZ : Gaji guru ijazah pada masa tu 1992, RM1110 hebat kan? saya masih ingat mata gaji saya kan itulah dan EKA kalau tak silap saya elang khidmat awam pada masa tu dipanggil RM150 dan kita tak ada elaun perumahan elaun rakyat DG44 tak ada DG44 pun ada dan masa saya mula-mula kerja dulu kami ni bukan dipanggil sebagai DG41 yang degree DG41 sekarang ni dengan SSPA [Sistem Saran Perkhidmatan Awam] ini yang baru lagi kan dan kami dulu dipanggil**

DG3. DG3 kalau cikgu maktab dia panggil C4 kalau ijazah *degree* [sarjana muda].

NES : **Apakah nama tempat yang mula-mula Puan bekerja?**

DHZ : Selepas penempatan yang pertama sebab saya semasa tunggu result masa cuti antara semester saya jadi guru ganti. guru ganti guru bersalin, atau memang guru pergi haji, saya kan selalu minta saya bekerja pada masa cuti Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Asap adalah sekolah pertama saya saya ditempatkan pada tahun pada 4 Mei 1992.

NES : **Apakah subjek pertama yang diajar oleh Puan?**

DHZ : Subjek yang saya ajar TESL, maka saya ajar Bahasa Inggeris.

NES : **Siapakah murid yang paling diingati Puan?**

DHZ : Murid yang paling diingati saya,, ada seorang murid yang saya sentiasa mengingati dia dan dia ni macam anak pada saya, namanya Dayang Suhana binti Muhammad, Farah Diba binti Muhammad, Muhammad Hafiz Zulkarnain, Muhammad Syahrizal ataupun kita panggil dia Boy. Saya, dia mengajar satu kelas tu dan saya adalah guru tingkatan 1P ada 35 [tiga puluh lima] orang murid saya kenal satu namanya dan bila hari raya mereka akan datang rumah saya. Anak sulung mereka kalau Dayang Suhana tu dia dah ada menantu dah ada cucu dah tapi kalau saya pergi johor saya akan pergi rumah dia dia suaminya dia kerja

immigration ramai murid yang paling diingati kalau Hafiz sekarang ni Hafiz sudah jadi doktor dekat HRPZ. Lily Murni, pemain bola jaring kebangsaan mengajar di Sekolah Menengah Tun Fatibah. Saya pergi Johor, saya cari dia *bila* [apabila] dia balik dia datang cari saya. Semua panggil Mama.

**NES : Berapa lamakah Puan bekerja dalam bidang tersebut?**

DHZ : Dah 31 [tiga puluh satu] tahun saya jadi cikgu dah melebihi 30 [tiga puluh tahun] tahun kan saya sekarang ni dah kalau *buyer* dah 59 [Lima puluh sembilan] tahun dah ni lagi 2 [dua] bulan lagi cukup 59 [Lima puluh sembilan], 59 [Lima puluh sembilan] jawatan ni ada sandang pengetualah ketika tu dia panggil guru penolong guru akademik biasa guru akademik tapi bila saya pergi ke sekolah tu sekolah baru Smk Sungai Asap ni saya terus dilantik sebagai guru disiplin guru disiplin guru pengawas dan pengetua pertama saya namanya haji ludin bin mat puan pasir mas masih ada sampai sekarang masih ber berhantar mesej kami berada dalam satu *group* [kumpulan] *ex* [bekas] smk sungai asam nampak tak kita punya hubungan yang sangat rapat.

**NES : Apakah jawatan yang disandang Puan sewaktu bekerja dalam bidang tersebut?**

DHZ : Habis di sana saya pindah, selepas sembilan bulan saya berkhidmat. Saya pindah ke SMK Sri Gunung sebab suami saya mengajar di Sri Gunung. Pada masa *tu* [itu], saya kahwin masa di universiti dan ada anak, mungkin memikirkan betapa sukarnya saya nak jaga anak seorang di *area* [kawasan] Kongsang tu JPN [Jabatan Pelajaran Negeri] telah tukarkan saya ke SMK Sri Gunung dan saya terus pegang ketua panitia. Selepas enam tahun di Sri Gunung,

saya terus ditempatkan di pejabat Pendidikan Daerah sebagai pegawai Bahasa Inggeris.

## **BAHAGIAN 2.1: PENGALAMAN PEKERJAAN**

**NES : Berapa lamakah Puan telah menjadi pengetua di sekolah ini?**

**DHZ : Saya datang sini tahun lepas, 22 Oktober 2023. Saya lapor diri di sini dan teruslah bekerja sampai sekarang.**

**NES : Apakah cabaran terbesar yang Puan hadapi dalam mengurus sekolah ini?**

**DHZ : Kalau dari segi cabaran mana-mana sekolah pun dia ada cabaran yang tersendiri, dia kalau kita tengok kita ada empat komponen lah yang menjadi cabaran kita bukan masalah tau, cabaran bagaimana kita menangani yang pertama cikgu-cikgu kita lah, yang kedua murid-murid kita lah, yang ketiga ibu bapalah termasuk *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] dan yang keempat masyarakat sekitar. itu yang menjadi cabaran bagaimana kebijaksanaan seseorang pengetua boleh menangani semua cabaran ataupun isu yang ada dalam empat komponen tadi maka jika seseorang pengetua *tu* [itu] berjaya tanganinya dengan baik maka sekolah tu akan hebat. Cabaran saya kalau dari segi murid sekolah ni, dia di awal saya datang peratus kehadirannya *tak* [tidak] sampai 85% [lapan puluh lima peratus] tapi sekarang saya *dah* [sudah] capai 93% [sembilan puluh tiga peratus], 94% [sembilan puluh empat peratus] peratus kehadiran dengan jumlah murid yang ramai Tingkatan 1[satu] sampai Tingkatan 6 [enam] atas dan kita ada *PPKI* [Program Pendidikan Khas Integrasi] maka tu adalah cabaran yang**

besar tetapi pada saya, ianya bukan isu sebab kita boleh tanganinya dengan baik dan murid-murid hadir ke sekolah apabila kita letakkan banyak aktiviti yang menarik.

**NES : Mengapakah Puan memilih untuk menjadi pengetua sekolah menengah?**

DHZ : Ya lah, itu cita-cita saya daripada kecil. Saya memang kalau ayah saya *dah* [sudah] jadi guru guru besar maka saya perlu lebih setapak dan pada saya, mengapa saya jadi pengetua sebab daripada dulu memang saya suka mengurus memimpin, membimbing membuat transformasi itu adalah apa yang saya suka. Seronok.

**NES : Apakah langkah atau inisiatif yang Puan ambil untuk meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah?**

DHZ : Untuk meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah saya bahagikan kepada empat komponen juga yang pertama, dari segi kepimpinan meningkatkan kualiti dari segi kepimpinan sekolah Mana-mana sekolah, kita ada SLT, *School Leadership Team* [Pasukan Kepimpinan Sekolah]. Yang mana kita panggil penolong kanan Kemudian kita ada *Middle Leadership Team* [Pasukan Kepimpinan Pertengahan], *MLT*. *MLT* ni adalah guru kanan-guru kanan Mata pelajaran bersama dengan ketua-ketua panitia. Bagaimana mereka ini Saya boleh bimbing untuk menjadi pemimpin, pelapis yang berkesan. Satu, bila Penolong Kanan dan juga Guru Kanan bersama dengan Ketua Panitia, mereka berkualiti Maka kualiti pendidikan akan meningkat, yang pertama. Yang kedua, kita nak pesekitaran sekolah ni sebagai pesekitaran sekolah yang bermakna.

Semua tempat kita perlu jadikan sekolah *ni* [ini] selesa untuk murid, maka saya amalkan teras ketujuh dalam dasar Pendidikan Negara, iaitu memperkasa pendigitalan di sekolah Sebagaimana YB [Yang Berhormat] Menteri cakap. *So* [jadi] di sekolah saya ni, kalau di bilik-bilik khas, semua ada *Smart TV* [Televisyen Pintar]. Kita menguruskan pembelajaran menggunakan Youtube dan sebagainya itu yang kedua. Yang ketiga, adalah meningkatkan tahap profesionalisme keguruan, cikgu-cikgu ni dia mesti profesional. kita menyediakan kursus-kursus untuk membangun profesionalisme mereka dan sebagainyalah, supaya mereka boleh bersaing sebagai guru yang hebat, Walaupun kita di sekolah harian, tapi kita punya guru-guru yang hebat satu, dua dan tiga dan akhir sekali, ialah pengurusan pibks, persatuan ibu bapa guru dan juga komuniti sekolah yang di luar melalui program-program jalinan dan jaringan, kita dengan sekolah, kita dengan universiti, dengan NGO [Badan Bukan Kerajaan] jadi, keempat-empat komponen ini, bila bergabung memang meletup mana-mana sekolah pun, memang akan meletup.

- NES : **Apakah kriteria yang Puan utamakan dalam memilih atau melatih guru-guru di sekolah ini?**
- DHZ : Yang pertama, sesuai dan selari dengan hasrat *KPM* [Kementerian Pelajaran Malaysia] itulah dan di bawah teras ketujuh Dasar Pendidikan Negara kita ada Dasar Pendigitalan yang mana kita *tak* [tidak] boleh *nak* [mahu] menolak *IT* [*Information Technology*] menolak teknologi, *tak* [tidak] boleh melalui pelaksanaan STEM [Sains, Teknologi, Engineering dan Matematik] melalui pelaksanaan mengupayakan guru-guru untuk bersaing hebat, menguasai ilmu digital jadi, saya telah jadikan sekolah saya ni ke arah pendigitalan guru-guru sekarang dah boleh menguasai asas-asas kemahiran dan tambahan pula bila kita *dah* [sudah] ada Delima, dalam Delima *tu* [itu] macam-macam kemahiran ada

jadi pengajaran analisis data, semua guru-guru memang dah boleh menguasai dengan baik bagus jugalah dasar Kementerian.

**NES : Selain pengurusan sekolah, apakah kemahiran lain yang Puan pelajari atau praktikkan dalam jawatan ini?**

**DHZ :** : Kemahiran lain satunya, kemahiran menganalisis data tu lah yang kita ada big data Contoh, data peperiksaan. Data peperiksaan apa? Banyak, kita ada *PBD* [Pentaksiran Bilik Darjah] Kita ada *UASA* [Ujian Akhir Sesi Akademik], kita ada *PASA* [Peperiksaan Akhir Sesi Akademik] Kita ada *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], *PASM* [Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah ] untuk *PPKI* [Program Pendidikan Khas Integrasi] dan jugak *STPM* [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia]. Banyak kan? Dan kita juga ada data imej dan sebagainya. Daripada big data tu, kita mengenal pasti kita punya problem. Root problem kta dekat mana. So bila kita nak overcome kita punya masalah tu mesti daripada data. Data dia tak pernah cakap bohong tau. Apa-apa yang kita kata, kenapa penguasaan matematik sangat rendah kan, sangat rendah, sangat rendah so kita kena tahu adakah teknik pengajaran guru? atau adakah soalan itu sukar? Adakah jsu di ditepati sebagai contoh. Maka apabila data kita uruskan data dengan data. Sekolah pun akan hebat lah.

**NES : Apakah kualiti yang Puan anggap penting bagi seorang pemimpin sekolah yang berkesan?**

**DHZ :** Komunikasi. Yang paling utama sekali komunikasi. Macam mana hebat awak, awak ada doktor atau tidak, atau siapa diri awak, apa yang awak juangkan ataupun berkomunikasi dengan stakeholder, dengan pegawai bawahan, dengan

cikgu-cikgu. Itu yang akan mencerminkan diri kita sebenar-sebenarnya. Kalau kita nak memujuk cikgu untuk bekerja dengan gunakan aras komunikasi dengan baik, dan saya ada tagline yang indah disini, saya ada tagline *stand together*, apa-apa sahaja kerja buat mesti bersama, *Stand together*. Dan saya akan turun padang bersama dengan mereka dalam apa jua aktiviti. Sebagai contohnya harini kita dakan peluncuran program lestarii hijau dekat padang sekolah. Saya nak sekolah saya ni hijau, redup, bumi hijau kan. So kita turun walaupun pada jam 11:30 pagi, panas saya turun Bersama cikgu-cikgu kita tanam pokok, so, bila cikgu tengok wow bersungguhnya pengetua maka mereka dengan dengan *willingnya* [sanggup] untuk bantu kita. So itulah komunikasi.

- NES : **Bagi Puan, apakah aspek paling mencabar dalam usaha memajukan pendidikan murid?**
- DHZ : Satunya murid-murid zaman sekarang ini, ia tak sama seperti zaman dulu, zaman saya sekolah, zaman awak sekolah dah banyak beza, cabaran dia adalah bagaimana nak memberitahu kepada murid-murid ni bahawa datang lah sekolah dengan ilmu, awak boleh ubah. tetapi cabaran kepada murid ni mereka lebih leka dengan telefon. dengan *medsos* [media sosial] yang menyebabkan mereka sampai jam empat, tiga pagi *tak* [tidak] tidur lagi main game dan esoknya sekolah tak datang bila kita bercakap dengan ibu bapa betapa pentingnya sikap teguran perlu diberikan kepada anak-anak ada juga ibu bapa yang acuh tak acuh. Ada ja, saya tak berani nak kejut anak saya, nanti gini, gini, gini. macam tu lah. jadi bila kita dah ada situasi ini, kita perlu berbalik kepada pertama tadi, komunikasi, kena ajak ibu bapa datang, bincang dan insyallah tak ada masalah yang tak boleh diselesaikan. Ok?

**NES : Menurut sumber, Puan pernah menerima anugerah ataupun pengiktirafan ataupun pencapaian Puan sebagai pengetua, bolehkah Puan berkongsi tentang pencapaian tersebut ?**

**DHZ :** Banyak. banyak.. (ketawa) *You* [awak] nak dalam aspek apa pencapaian ? Kalau dalam bidang akademik contohnya lah kan. Peningkatan matapelajaran, peningkatan peratus kehadiran, peningkatan dari segi inovasi, banyak sampai ke *international level* [peringkat antarabangsa] banyak. Kemudian kalau dari segi pencapaian pengiktirafan dan pencapaian dalam bentuk sosial contohnya diri sendiri lah kan, saya juga merupakan pembentang kertas kajian peringkat antarabangsa, pengiktirafan sebagai *The Best Presenter* [Penyampai Terbaik]. Ada kertas kajian yang dapat *Platinum Award* [Anugerah Platinum]. So [jadi] banyak lah.

**NES : Apakah rancangan masa depan Puan untuk sekolah ini ?**

**DHZ :** Masa depan sekolah ini, *actually we are trying to put this school on the right track* [sebenarnya kami sedang berusaha untuk meletakkan sekolah ini di landasan yang betul] berdasarkan halatuju dan juga pelan strategik sekolah, PSO (Perancangan Strategik Sekolah) so [jadi] itulah yang kita buat. Kita ada KPI-KPI yang kita nak capai. Kalau KPI itu kita nak dari segi GPS sekolah untuk peperiksaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), kita ada GPS sekolah dalam PNGK, kita ada GPS sekolah dalam PAJSK, GPS sekolah dalam SEGAK dan juga halatuju-halatuju lain dan *Insya-Allah* [dengan izin Allah] semuanya itu kita ada semakan-semakan bagi memastikan setiap KPI yang kita buat *tu* [itu] kita akan capai.

### **BAHAGIAN 3.0: PENGLIBATAN AKTIF TOKOH**

**NES : Kita teruskan dengan penglibatan aktif tokoh, adakah terdapat perbezaan antara pengalaman kerja Puan yang terdahulu dengan peranan pengetua sekolah yang sekarang ?**

**DHZ : Tak [tidak] ada beza. *Life must go on* [hidup perlu diteruskan]. Apa-apa sajalah. Tiada sebab kita bekerja *ni* [ini] berdasarkan pada pengalaman, kalau harini kita dapati peningkatan *A tu* [itu] *tak* [tidak] sesuai, pengalaman untuk hari *ni* [ini], pengalaman *ni* [ini] kan dia datang dari apa yang telah berlaku *so* [jadi] esok kita ubah kaedahnya itu. *So* [jadi] biasa *je* [sahaja] lah. Tiada beza sangat. Cuma kita buat sesuatu mesti secara *istiqomah* [menjalankan sesuatu suruhan secara terus-menerus].**

**NES : Adakah bidang pendidikan pada era moden ini menawarkan peluang yang lebih baik untuk pembangunan diri dan profesional ?**

**DHZ : Banyak yang ini. Pendidikan pada era moden ini. Sekarang ini dunia ini dihujung jari. Dulu kalau saya nak beli nasi berlauk, nasi lemak, nasi dagang, saya kena queue [beratur] dekat kedai. Era moden ini semua dihujung jari. Petik. Petik. Petik. Grab datang. Petik. Petik. Petik. Shopee hantar. Petik. Petik. Petik. TikTok hantar, sediakan duit *je* [sahaja]. Jadi (sambil ketawa) dia banyak peluang era moden ini. Jadi pada saya *lah* [ialah] kan kalau murid ke, guru ke, *you* [awak] *nak* [mahu], *you* [awak] tepuk dada *you* [awak], tanya hati *you* [awak] apa yang *you* [awak] *nak* [mahu]. Era moden ini semua bagus bahkan mencari jodoh lebih mudah sekarang ini daripada dulu. Betul tak, kakak ?**

**ZS : Betul.**

**DHZ : (ketawa) Itulah yang kata era moden ini banyak. Lepas *tu* [itu] kalau kita, contohnya *nak* [mahu] buat pemilihan terhadap pakaian, kita *tak* [tidak] perlu**

ke kedai ke, pergi apa-apa ke, nak 10D [sepuluh D], 8D [lapan D], 6D [enam D], semua ada, betul *tak* [tidak]? Cuma kita buat pilihan, kita scroll [skrol], dan yang terkini saya ikuti TikTok butik Coach di Pavillion dan di link [pautan] dengan *Mayang Mall* [Pusat beli-belah Mayang]. I bought one [saya beli satu]. *See* [tengok] saya *tak* [tidak] buat balik lagi. Dan kita buat transaksi *so easy* [sangat senang] betul kan ? Tekan, itu lah yang dinyatakan sebagai era moden dan untuk pembangunan diri dan profesional, kita mahu jadi lebi baik daripada semalam, banyak motivator [pemberi motivasi] dalam ini kan ? (ambil menunjukkan ke arah telefonnya) Kita tekan-tekan bahagian motivator [pemberi motivasi], dia pun datanglah dengan cara ini, kalau kita rasa sugul, kita rasa macam tertekan, apa yang perlu kita buat ? Kita tekan sahaja TikTok awak cari *humour* [jenaka] punya slot awak akan ketawa. *So very easy* [jadi sangat senang].

- NES : **Boleh Puan kongsikan anggaran pencapaian atau kejayaan sekolah sejak Puan mejawat jawatan sebagai pengetua sekolah ?**
- DHZ : Sekolah ini atau sekolah lain ?
- NES : Sekolah ini.
- DHZ : Sekolah ini? Macam yang saya kata tadilah kalau yang dalam akademik, dalam penyampaian keputusan, penyampaian majlis anugerah pencapaian SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) 2023, saya dapat lapan belas anugerah untuk sekolah ini, matapelajaran terbaik, sekolah ini ada tiga puluh dua matapelajaran, lapan belas daripadanya didominasi oleh sekolah saya dan sekolah orang lain banyak, lebih banyak faham tak [tidak], *so* [jadi] memang banyaklah yang kejayaan yang kita capai sama juga dengan sekolah-sekolah lain. Memang bila ada peningkatan, kita akan ada pencapaian yang baik, begitu juga dengan bidang kokurikulum, kita sampai ke peringkat kebangsaan, kalau tarian sekolah saya ini johan negeri

dan kami sering dijemput ke istana budaya dan buat persembahan di hadapan raja-raja. Hebatkan ? Dan kalau dalam bidang kriket sekolah saya ini Johan peringkat negeri dan pemain SUKMA, kita ada empat orang pemain SUKMA daripada murid *Tingkatan 5* [Tingkatan Lima] dan murid *Tingkatan 2* [Tingkatan Dua], sekarang ini sedang dilatih untuk persediaan Tahun 2025 [dua puluh dua puluh lima]. Kriket kita memang hebat, dia hebatnya kenapa datang daripada gurunya yang hebat bukan saya, saya *tak* [tidak] pandai main kriket, saya *tak* [tidak] *reti* [pandai] pun main kriket tapi cikgu yang mengajar *tu* [itu], jadi kehebatan di sekolah ini dia bukan datang dengan pengetua *sorang* [seorang] *no* [bukan], dia datang dengan barisan kepimpinan, dia datang dengan guru-guru yang menyokong, dia datang dengan murid-murid dan support [sokongan] daripada *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] dan juga ibu bapa. Jadilah lengkap satu *circle* [kitaran].

**NES : Apakah nilai-nilai atau etika yang penting yang Puan pegang dalam menguruskan sekolah?**

**DHZ :** Etika saya mudah je [sahaja], kita patuh pada integriti dalam integriti satu pematuhan masa, *you* [awak] perlu datang sebelum jam 7:30, 7:30 kita *dah* [sudah] mula kelas *so* [jadi] itu sahaja etikanya dan berikan contoh yang terbaik kalau guru patutnya mulakan masa 7:30, cikgu-cikgu automatik akan datang lebih awal apabila dia lihat pengetua datang sebelum itu. Etika lain *tu* [itu] senang sahaja, contohi apa kepimpinan melalui teladan, semua dasar-dasar yang telah dibuatkan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu *tu* [itu], semua boleh dijadikan etika.

- NES : **Bolehkan Puan memberikan sedikit pengenalan mengenai visi dan misi sekolah ini dibawah kepimpinan Puan?**
- DHZ : Macam yang saya kata visi dan misi, visi ini apa yang kita buat dan misi itulah *action* [tindakan] untuk capai visi itu kan, apa yang saya *nak* [mahu] ialah *SMKM* [Sekolah Menengah Kebangsaan Machang] ini Indah Dipersada. Sekolah Menengah Kebangsaan Machang Indah Dipersada. Indah Dipersada dinobatkan dalam pelbagai bidang, dia ada sembilan komponen dalam pengurusan sekolah ini dan sekolah saya yang pertama, kami telah mendapat anugerah pengurusan kewangan cemerlang untuk tahun 2024 [dua puluh dua puluh empat] ini jadi visi saya mahu jadikan *SMKM* [Sekolah Menengah Kebangsaan Machang] Indah Dipersada bidang pengurusan, pengurusan kewangan kita *dah* [sudah] capai. *Action* [tindakan] yang diambil ialah semua mengamalkan integriti yang mematuhi SOP-SOP pengurusan kewangan yang telah ditetapkan *so* [jadi] kita dapat, itu salah satu daripada contoh yang lainnya halatuju pendidikan sebagai contohnya visi, visi kita mahu KPI, KPI kita nak capai 4.99 GPS dalam peperiksaan *SPM* [Sijil Matapelajaran Malaysia] *so* [jadi] misi kita, kita pun sediakanlah macam-macam program yang kita buat dan ianya mesti ada maklum balas, kita mesti ada dialog prestasi, kita mesti rombak balik kita punya *planning* [perancangan] apabila kita dapati ianya perlu penambahbaikan maksudnya apa yang kita rancang, sesuatu yang kita rancang itu kita tidak boleh *follow* [ikut] sahaja tetapi kita mesti tengok balik dimana kelemahan kita *top-up* [tambah nilai].

### **BAHAGIAN 3.1: MENGENAI PENGLIBATAN TOKOH DALAM PENDIDIKAN**

NES : Mengenai penglibatan tokoh dalam pendidikan, jadi bolehkan Puan ceritakan serba-sedikit bagaimana Puan mula menlibatkan diri dalam bidang pendidikan?

DHZ : Macam yang saya kata tadi lah. Saya kan minat *nak* [mahu] jadi cikgu, itu sahaja lah. Lagipun *family* [keluarga] saya datang daripada cikgu-cikgu, mertua, *pak mertua* [bapa mertua] cikgu.

NES : Berapa lamakah masa yang diambil oleh Puan untuk mencapai tahap kepimpinan sebagai pengetua?

